

27 JUL 2000

Umno-Sauk

UMNO PERAK AKAN JELASKAN ISU SAUK KE PERINGKAT PETI UNDI

IPOH, 27 Julai (Bernama) -- Umno Perak akan memperluaskan majlis penerangan ke peringkat peti undi dalam memberi penjelasan mengenai kumpulan Al Ma'unah dan tindakan mereka merompak senjata api di dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai lepas.

Ketua Penerangannya Datuk Ramly Zahari berkata, setakat ini Umno negeri telah mengadakan majlis penerangan mengenai insiden itu kepada separuh daripada 23 bahagian Umno di negeri ini.

"Para penceramah yang memberikan penerangan terdiri daripada 14 anggota Umno negeri ini yang telah diberi penjelasan terperinci oleh Ibu Pejabat mengenai kejadian itu," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, majlis penerangan peringkat bahagian akan berakhir hujung bulan ini dan akan diteruskan ke peringkat 861 kawasan peti undi.

Antara penerangan yang diberikan ialah mengenai isu-isu penyelewengan yang dicanangkan oleh pembangkang mengenai kejadian itu serta mengenai asal usul kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) yang terbabit dalam kes itu, katanya.

Pada 2 Julai lepas sekumpulan 15 orang yang menyamar sebagai anggota tentera telah merompak lebih 100 senjata api dan beribu peluru daripada dua kem tentera iaitu Pos Tentera di Kuala Rui dan Kem 304 Askar Wataniah di Gerik.

Mereka kemudian menyertai 13 anggota kumpulan itu yang bersembunyi di Bukit Jenalek, Sauk dan mereka turut menahan empat tebusan termasuk satu orang awam.

Dua daripada tebusan itu, mendiang Sarjan R. Sagadevan, 48, daripada cawangan khas polis dan prebet Mathew anak Medan, 25, daripada pasukan Gerak Khas Kem Terendak, Melaka telah dibunuh dengan kejam.

Ramly, yang juga pengerusi jawatankuasa pembangunan industri dan usahawan negeri berkata, selain ceramah para peserta juga akan dipertontonkan dengan filem dan gambar-gambar yang diambil semasa kejadian itu.

Beliau berkata, Umno Negeri juga telah memulakan ceramah penerangan mengenai tindakan pembangkang memutarbelitkan ucapan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Umno Mei lepas.

Umno negeri telah mula menayangkan ucapan Dr Mahathir sepenuhnya untuk anggota parti memahami dengan jelas ucapan-ucapannya yang telah diputarbelitkan oleh pembangkang.

-- BERNAMA.

HK PR